

Syarikat menggunakan Slogan “Halal”
 (“Segar . Sedap . Halal”)



Penggunaan Perbahasaan Halal
 “Makanan Islam” sedangkan syarikat
 tidak memiliki sijil Pengesahan halal



Arahan menurunkan banner
 “Buffet Ramadhan” dengan serta merta.



Arahan menanggalkan Perbahasaan Halal
 “Makanan Islam” yang ditampal di kaunter jualan.



Tajaan Oleh :



AYAM SEGERA GSM SDN. BHD.
 PLO 33, Jalan Genuang, Kawasan
 Perindustrian,
 85000 Segamat, Johor.
 No. Tel: 07-9322216
 No Faks: 07-9322218

JABATAN AGAMA JOHOR
 UNIT PENGURUSAN HALAL, BAHAGIAN PENYELIDIKAN
 Aras 1, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar,
 Karung Berkunci 725, 80990 Johor Bahru, Johor.
 TEL: 07-2282943 FAKS: 07-2276041
 EMAIL: penyelidikanjaj@gmail.com
 Laman web: <http://www.jaj.johordt.gov.my>



PEMANTAUAN & PENGUATKUASAAN HALAL

APA ITU PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN HALAL?

Semua kilang pengeluar produk / restoran @ premis makanan / rumah sembelihan yang telah mendapat sijil halal daripada pihak berautoriti atau yang meletakkan label atau logo halal atau perbahasan halal perlu dibuat pemantauan supaya tiada sebarang keraguan timbul daripada pihak pengguna dan nasihat serta teguran dapat diberikan kepada pihak pengusaha atau pemilik syarikat. Selain itu pemantauan yang dijalankan juga dapat memberi keyakinan kepada pengguna tentang status halal dan kesucian terhadap sesuatu produk yang dikeluarkan atau sajian makanan yang disediakan.



Pemeriksaan / pemantauan yang dijalankan adalah terikat dari segi undang-undang kepada Akta Perihal Dagangan 2011 yang membolehkan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan Halal) 2011.

AKTA-AKTA YANG BERKAITAN PEMANTAUAN & PENGUATKUASAAN

Pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan adalah terikat daripada segi undang-undang yang diamalkan dan dikuasakan dalam negara ini yang berkaitan:

- I. Akta Perihal Dagangan 2011 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).
- II. Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-peraturan Kebersihan dan Keselamatan Makanan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- III. Animal Rules 1962 Akta Binatang 1953 (semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962, Akta rumah penyembelihan (Penswastan) 1993 dan Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran), 1983 oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).
- IV. Akta Kastam 1967 (Larangan Mengenai Import 1998) oleh Kastam Diraja Malaysia (KASTAM).
- V. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- VI. Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri oleh MAIN/JAIN.
- VII. Akta Cap Dagangan 1976.

JENIS-JENIS PEMERIKSAAN

- I. **Pemeriksaan berkala** ialah pemeriksaan secara terancang dan berterusan dari semasa ke semasa terhadap pemegang sijil pengesahan halal Malaysia bagi menilai kepatuhan terhadap pensijilan dan penggunaan logo halal serta piawaian halal.
- II. **Pemeriksaan penguatkuasaan** adalah pemeriksaan yang dilakukan oleh JAIN/JAKIM bersama agensi penguatkuasa yang lain sama ada hasil daripada aduan awam atau aktiviti pemeriksaan berkala.
- III. **Pemeriksaan susulan** adalah pemeriksaan terhadap syarikat yang gagal mematuhi Prosedur Pensijilan Halal berdasarkan pemeriksaan terdahulu.
- IV. **Pemeriksaan berdasarkan aduan** dilakukan setelah menerima aduan awam mengenai penyalahgunaan logo/sijil pengesahan halal atau terdapat keraguan ke atas produk dan barang gunaan, premis makanan, rumah sembelih, logistik atau syarikat yang telah diberikan sijil pengesahan halal, logo atau menggunakan perbahasan halal.

ANTARA PENIPUAN PENGGUNAAN ISTILAH HALAL DAN SUCI PADA SYARIKAT-SYARIKAT DAN PREMIS MAKANAN ATAU RESTORAN BAGI MENGABURI MATA PENGGUNA ISLAM

- Mempamerkan tanda **Halal** atau **Makanan Islam** atau **Slogan Halal** dan sebagainya. bahasa arab atau nama-nama Negara Islam.
- Daftar syarikat bercirikan Islam menggunakan **nama-nama bercirikan Islam** atau bahasa arab atau **nama Negara-Negara Islam**.
- Mempamerkan **imej** yang melambangkan **Islam** seperti gambar kubah, masjid, ayat Al-quran dan sebagainya.
- Melantik pengarah atau rakan syer **boneka** dalam kalangan orang Islam.
- Melantik syarikat milik orang Islam untuk proses **pembungkusan** serta urusan **promosi**.
- Pencampuran bahan ramuan atau produk daripada sumber yang **halal / suci** dengan yang **haram**.
- Menggunakan bahan ramuan yang tidak jelas status halalnya atau penggunaan peralatan **najis** atau cara pengendalian makanan atau tempat yang terdedah pada **najis**.
- Mengambil pekerja dalam kalangan orang Islam & pekerja asing yang **diragui** pegangan agamanya.
- Mempamerkan salinan sijil pengesahan halal **syarikat lain** dan **Sijil Tauliah Penyembelihan** di pasaraya, restoran dan sebagainya.
- Mempamerkan **logo Halal Malaysia yang tidak sah** (logo halal swasta atau logo halal lama)
- Mempamerkan **logo Halal Luar Negara yang tidak sah** (sila rujuk www.halal.gov.my klik pada senarai Badan Islam Antarabangsa yang diiktiraf).

CONTOH-CONTOH PENYALAHGUNAAN PERBAHASAN HALAL



PENGGUNAAN PERBAHASAN HALAL PADA PAPAN TANDA PREMIS YANG TIADA PENSIJILAN HALAL.

PAPAN IKLAN TAK MEMENUHI SYARAK



Papantanda mempamerkan iklan halal tetapi modelnya tidak menutup aurat sebagaimana sewajarnya.